

27/07/1999

Negara miskin perlu nilai buruk baik globalisasi

Wan Sabariah Shikh Ali

SEBAGAIMANA caranya yang biasa, dengan nada berterus-terang tanpa takut dan berpihak, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuka gelanggang Dialog Antarabangsa Langkawi 1999.

Dalam ucapan pembukaannya, Perdana Menteri membina rentak dialog tahun ini apabila meminta peserta daripada 38 negara berfikir mengenai globalisasi, apakah takrifannya dan apakah yang tersirat di sebalik idea untuk meruntuhkan sempadan kenegaraan bagi membolehkan dunia tidak bersempadan diwujudkan.

"Adalah jelas bahawa globalisasi adalah idea yang masanya sudah tiba. Kita semua mesti bersedia untuk menerimanya.

"Tetapi dari mana idea itu datang masih belum jelas. Setakat ini takrif globalisasi hanya dibuat oleh negara kaya. Tidak memeranjatkan kita jika hasil daripada takrifan itu akan menguntungkan mereka.

"Jika hanya mereka yang akan memperolehi keuntungan, tidak kiralah sama ada masa untuk idea (globalisasi) itu sudah tiba atau tidak, tidak ada sebab mengapa negara miskin harus turut menerima," kata Dr Mahathir.

Sesi pertama dialog pada pagi semalam, menyaksikan rentak yang dimulakan Dr Mahathir bersambut. Sesi itu yang dipengerusikan oleh Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, diisi oleh tiga jurucakap yang membincangkan mengenai pelajaran daripada krisis.

Ahli Ekonomi Asia dari firma Dresdner Klienwort Benson, Hong Kong, Geoffrey Barker, mempersoalkan label Krisis Kewangan Asia yang menurutnya tidak mencerminkan keadaan sebenar.

Intipati krisis ini ialah krisis hutang, tegasnya, bukannya krisis mata wang atau krisis imbalan pembayaran.

"Apabila ditakrifkan semula sebagai krisis hutang, yang dibawa oleh kemasukan wang mudah dan pelaburan, ini adalah masalah yang melangkaui Asia, ia membabitkan semua ekonomi, seperti yang dapat dilihat pada Russia dan Latin Amerika," katanya.

Dengan takrifan semula itu, pemimpin negara Afrika dan Asia yang menghadiri LID ke-4, duduk semeja dan meletakkan krisis itu di bawah mikroskop dan meneliti cara untuk mengelakkan "virus" yang sama menjangkiti negara mereka.

LID yang berlangsung ketika negara Asia baru saja mula menarik nafas selepas dua tahun bergelut dengan krisis ekonomi dan kewangan, juga memberi peluang kepada negara Afrika, yang rata-ratanya miskin dan sedang membangun, belajar daripada perbandingan mengenai cara Malaysia, Thailand dan Korea keluar dari kegawatan.

Profesor University of Houston, Amerika Syarikat, Thomas deGregori, pula merungkaikan mitos yang dipegang oleh Barat selama ini bahawa keterbukaan ekonomi dan pasaran bebaslah yang menjadi asas kepada kemakmuran Asia selam ini.

"Adalah menjadi pegangan agensi Konsensus Washington (Tabung Mata Wang Antarabangsa, Bank Dunia dan Perbendaharaan Amerika) bahawa keajaiban Asia berlaku kerana sumbangan kebijaksanaan Barat, iaitu pasaran bebas dan ekonomi terbuka.

"Mereka percaya, ekonomi Asia diuruskan oleh kumpulan elit yang dilatih di Barat, mengguna pakai penyelesaian Barat, dan bukannya dicipta oleh Asia sendiri," katanya.

Tetapi hakikatnya, kata deGregori, kepercayaan Barat itu adalah mitos semata-mata kerana Asia tahu apa yang dilakukannya sebelum krisis melanda

rantau ini.

Malah, Konsensus Washington sendiri pun sudah terungkai kerana setiap agensi sudah menyedari kesilapan masing-masing dalam menangani krisis ini, walaupun menurut deGregori, IMF 'masih merangkak-rangkak' menjauhi dasar yang dibuatnya sendiri ketika cuba menyelesaikan kegawatan di Asia.

Pandangan sedemikian yang datangnya daripada pusat ilmu di Barat pastinya membuka mata peserta LID bahawa tidak semua ahli ekonomi Barat sependapat dengan Profesor Marten Miller bahawa Asia tidak mampu mengurus ekonominya sendiri.

Ia juga bermakna tidak semua pendokong ekonomi terbuka bersetuju dengan pembawa gagasan globalisasi yang mahukan gelanggang permainan yang sama rata bagi semua orang, tidak kira sama ada negara miskin mempunyai banyak kekurangan sehingga tidak memungkinkan mereka bersaing dengan sama rata.

Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, berkata negara Afrika secara umumnya menerima bahawa globalisasi tidak boleh diterima pakai bulat-bulat tanpa persoalan.

Menurutnya, LID membuka mata mengenai banyak perkara berhubung peristiwa sepanjang 24 bulan lalu.

Dalam tempoh dua hari lagi sepanjang LID kali ini, pastinya banyak lagi pengajaran yang bukan saja membuka mata, malah turut mencelikkan minda.

(END)